

10 AUG 1997

Motosikal

KERAJAAN BELUM BERCADANG KUATKUASA PERATURAN BERPAKAIAN

ALOR SETAR, 10 Ogos (Bernama) -- Kerajaan belum lagi bercadang untuk menguatkuasakan peraturan berpakaian bagi penunggang-penunggang motosikal walaupun banyak kes kemalangan maut terlibat dengan kenderaan terbabit.

Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan Chor Chee Heung, pada masa kini kerajaan lebih ke arah mendisiplinkan dan memberi kesedaran mengenai aspek-aspek keselamatan jalan raya kepada penggunanya.

Sepatutnya penunggang motosikal perlu berpakaian lengkap seperti memakai kasut, jaket keselamatan dan berseluar panjang selain bertopi keledar ketika memandu, katanya selepas melancarkan program Misi Jalan Raya Tahun 2000 di sini, hari ini.

"Di kawasan luar bandar dapati masih ramai yang hanya memakai kain dan selipar ketika memandu dan mereka ini terdedah kepada kemalangan dan boleh mengakibatkan maut," katanya.

Oleh itu, katanya adalah lebih wajar bagi penunggang motosikal berpakaian lengkap ketika memandu seperti yang diamalkan di negara barat sabagai salah satu kaedah bagi mengurangkan kemalangan yang mengakibatkan maut.

Mengikut statistik lebih 55 peratus kes kemalangan maut di seluruh negara adalah melibatkan penunggang-penunggang motosikal dan ada di antara mereka yang berpakaian tidak lengkap ketika memandu, katanya.

Beliau berkata bagi memberi kesedaran kepada orang ramai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan sendiri kempen keselamatan jalan raya khas bagi penunggang motosikal.

Dijangka lebih 5,000 buah motosikal akan terlibat semasa pelancarannya nanti yang akan diadakan di Kuala Lumpur akhir bulan ini.

Chor turut memberi saranan kepada semua sekolah rendah di seluruh negara supaya segera mewujudkan Kelab Keselamatan Jalan Raya masing-masing bagi mendisiplin kanak-kanak terhadap keselamatan jalan raya.

Katanya, kerajaan melalui Majlis Keselamatan Jalan Raya menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah untuk menubuhkan kelab seumpama itu. --
BERNAMA.

MN RI